

PENGALAMAN DIMENSI GLOBAL

Mahasiswa penerbitan turut bantu pihak Pulau Nami buat data mengenai buku kanak-kanak dari Malaysia

DARI MUKA 29

Antara aktiviti utama yang diadakan di Pulau Nami adalah bercerita, merekabentuk buku dan pelancaran buku Adam Gets New Shoes.

Buku itu dihasilkan sendiri pelajar dan dilancarkan Ketua Pegawai Eksekutif Nami Island, Jeon Myeong Jun.

Pada masa sama, ia kemudian dihadiahkan kepada pihak Pulau Nami dan ditempatkan di Picture Book Library.

Melalui aktiviti merekabentuk buku pula, ia dijalankan bersama 30 kanak-kanak dari Natural Playscape, Pulau Nami.

Hasil daripada aktiviti ini, mahasiswa penerbitan akan menghasilkan buku menggunakan ilustrasi dan lukisan yang dihasilkan kanak-kanak itu.

Mahasiswa juga diberi peluang untuk mengadakan aktiviti bercerita di hadapan kanak-kanak Natural Playscape menggunakan buku cerita kanak-kanak yang dihasilkan melalui salah satu kursus di dalam program penerbitan itu sendiri iaitu Kursus Penerbitan Kreatif.



FOTO | IHSAN ZAIHA AHMAD

WAJAH keriangannya ketika program dijalankan.

Selain itu, mahasiswa dan pensyarah yang terbabit turut membantu pihak Pulau Nami membuat data mengenai buku kanak-kanak dari Malaysia yang ada di International Children's Library.

Mahasiswa dan pensyarah yang mengikuti program ini turut berpeluang bersua muka dengan generasi ketiga pemilik Pulau Nami iaitu Fred Minn dan Kenny Minn.

Fred berkongsi pendapat dan bercerita mengenai sejarah pulau itu yang pada awalnya dibeli datuknya.

Selain berkongsi minat dan tekad beliau dalam membangunkan pulau itu

untuk menjadi destinasi kebudayaan dan literasi kanak-kanak, beliau turut mengutarakan pendapat dan pengalaman sepanjang terbabit aktiviti perbukuan kanak-kanak di seluruh dunia.

Penasihat Kelab Penerbitan FKPM yang juga penasihat projek, Shahnail Asmar Saa'id menganggap program berkenaan adalah peluang terbaik untuk mahasiswa.

"Menariknya, program ini membantu mahasiswa untuk mengetahui lebih dekat ilmu berkenaan dunia penerbitan buku kanak-kanak secara global. "Selain membuka

peluang kerjaya melalui rangkaian organisasi profesional dan antarabangsa," katanya.

Peserta juga berpeluang untuk melawat Anderson Picture Book Center dan Nami Concours Gallery.

Galeri ini menempatkan ilustrasi terbaik buku kanak-kanak yang tersenarai sebagai pemenang Anugerah Hans Christian Anderson iaitu pengiktirafan antarabangsa tertinggi diberikan kepada penulis dan ilustrator buku kanak-kanak dari seluruh dunia.

Dalam pada itu, ketua projek Afiza Hazira berkata, program itu memberi

banyak pengalaman dan ilmu kepada mahasiswa, sekali gus menambahkan pengalaman mereka untuk meningkatkan jati diri serta kemahiran sosial.

Selain di Pulau Nami, program ini turut mengadakan

lawatan akademik ke syarikat penerbitan digital iWings di Seoul untuk mengadakan perbincangan bagi merealisasikan hasil penerbitan buku kanak-kanak ke platform eBuku interaktif.



TIDAK melepaskan peluang melawat Nami Concours Gallery.



MAHASISWA dan pensyarah merakam kenangan bersama Fred (berdiri di belakang).

Bantu pelajar buat pilihan tepat

Bermula hari ini, pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) boleh membuat pembelian nombor unik ID Unit Pusat Universiti (UPU) di cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN) seluruh negara.

Pengarah Bahagian Kemasukan Pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Wahi Nordin berkata, Bahagian Kemasukan IPTA, Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) menyediakan simulasi khusus bagi membantu pemohon UPUOnline untuk sesi akademik 2020/2021 membuat pilihan kursus dan universiti bertepatan keputusan peperiksaan masing-masing.

Beliau berkata, simulasi yang

dibangunkan di bawah sistem UPUCity yang terdapat dalam laman web <http://upu.moe.gov.my> itu boleh digunakan semua pemohon SPM dan STPM untuk membuat purata merit keputusan peperiksaan serta purata peluang permohonan yang dibuat bagi setiap kursus dan universiti dipilih.

Katanya, pembaharuan itu menjadikan pelajar lebih analitikal dan bijak membuat keputusan mengenai program pengajian serta universiti yang akan dipilih mengikut kelayakan dan bukan berdasarkan pengaruh rakan sebaya semata-mata.

"Walaupun pemohon diberikan sehingga 12 pilihan, mereka tidak perlu khawatir untuk memilih kerana kursus yang layak dengan keputusan peperiksaan saja akan

dipaparkan dalam senarai pilihan.

"Contohnya, pelajar memilih program Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), dengan keputusan C untuk semua mata pelajaran dan mendapat lima kredit, simulasi akan menunjukkan kemungkinan peluang untuk mendapat diploma berkenaan cuma 30 peratus. Di sini, pelajar kena bijak untuk tidak memilih program itu," katanya di JPT, Putrajaya, baru-baru ini.

Beliau menjelaskan, sistem yang dibangunkan itu membantu hampir 90 peratus proses permohonan pelajar yang mana calon lepasan SPM dinilai berdasarkan merit, manakala STPM berdasarkan Purata Nilai



WAHI

Gred Kumulatif (PNGK).

"Memandangkan pada tahun ini permohonan ke universiti awam (UA), institut pendidikan guru, matrikulasi, politeknik dan kolej komuniti serta institut latihan kemahiran awal (ILKA) diselenggarakan di bawah konsep Single Window, Single Offer, maka setiap pelajar akan mendapat satu tawaran saja.

"Simulasi ini diharapkan dapat membantu pelajar membuat pilihan tepat. Pelajar juga disarankan tidak hanya mengisi enam pilihan yang wajib, sebaliknya isi semua pilihan yang ada dengan bijak dan bukan tangkap muat," katanya.

Sementara itu, Wahi berkata, UPUOnline tahun ini juga pertama kali membuka permohonan peringkat ijazah sarjana muda untuk pelajar lepasan Diploma Vokasional Malaysia (DVM), Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM).

"Pelajar lepasan ini boleh menyambung pengajian peringkat ijazah sarjana muda di empat Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) iaitu Universiti Teknikal

Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)," katanya.

Pelajar boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai simulasi dan sistem yang dibangunkan dengan berkunjung ke Karnival Jom Masuk IPT 2020 di seluruh negara yang bermula 15 Februari lalu di Johor.

Melalui karnival itu, pemohon juga boleh membuat pendaftaran UPUOnline menggunakan nombor unik ID UPU dan mencuba simulasi yang disediakan dalam UPUCity untuk melihat purata merit dan peluang permohonan masing-masing.